

Ruj. Kami: ST (IP) JG/110/2/01/ (26)
Tarikh : 13 Julai 2009

Kepada :

Orang Kompeten Gas Yang Berdaftar

Kontraktor Gas Yang Berdaftar


Makluman berhubung dengan keperluan kedapan (sealed off) di mana-mana bukaan dihujung paip pada Sistem Pemasangan Paip Gas

Surat terdahulu bertarikh 9 September 2008 dan bernombor rujukan ST(IP)JG/110/2/01/(26) berhubung dengan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Surat tersebut memaklumkan bahawa Suruhanjaya Tenaga telah mengarahkan semua laluan keluar atau mana-mana bukaan dihujung paip sistem pemasangan paip gas hendaklah dikedapkan (sealed off) sepertimana ditetapkan di bawah peraturan 60(3), Peraturan-peraturan Bekalan Gas 1997 iaitu "Jika sekiranya sistem pemasangan gas tidak digunakan serta-merta ia hendaklah dikedapkan (sealed-off) pada tiap-tiap laluan keluar dengan gegasan yang sesuai".

3. Sehubungan dengan itu adalah dimaklumkan bahawa maksud sebenar "sealed-off" yang dinyatakan dalam surat tersebut adalah dengan cara memateri (brazing) pada bukaan dihujung paip bagi paip jenis tembaga (copper). Manakala bagi paip jenis keluli (steel), bukaan dihujung paip hendaklah dikedap menggunakan 'flanged' atau 'end cap'. Mana-mana bukaan dihujung paip yang dilipat atau ditutup menggunakan apa-apa cara selain yang dinyatakan di atas, adalah tidak dibenarkan.

Sekian, terima kasih.



(DR. SULAIMAN ABDULLAH)
Pegawai
Jabatan Keselamatan dan Perbekalan Gas
Suruhanjaya Tenaga

ST(IP)JG/110/2/01/(21)

Tarikh : 09 September 2008

Kepada :


Orang Kompeten Gas Yang Berdaftar

Kontraktor Gas Yang Berdaftar

Makluman berhubung dengan keperluan kedapan (sealed off) di mana-mana bukaan dihujung paip pada Sistem Pemasangan Paip Gas.

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, ingin diingatkan kepada semua orang kompeten gas dan kontraktor gas yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bahawa semua laluan keluar atau mana-mana bukaan dihujung paip pada sistem pemasangan paip gas hendaklah dikedapkan (sealed off) sepertimana ditetapkan di bawah peraturan 60(3), Peraturan-peraturan Bekalan Gas 1997 iaitu "Jika sekiranya sistem pemasangan gas tidak digunakan serta-merta ia hendaklah dikedapkan (sealed off) pada tiap-tiap laluan keluar dengan gegasan yang sesuai". Kegagalan untuk mematuhi, pihak yang terlibat boleh didakwa di Mahkamah.

Sekian, terima kasih



(Ir. FRANCIS XAVIER JACOB)

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Perbekalan Gas
Suruhanjaya Tenaga.